



KESAHIHAN MAKLUMAT ILLEGAL U-TURN YANG DIWAR-WARKAN DI FB BTP

Selamat Petang dan Salam Sejahtera,

KESAHIHAN MAKLUMAT ILLEGAL U-TURN YANG DIWAR-WARKAN DI FB BTP

Pihak pengurusan LATAR telah mendapat banyak panggilan telefon serta message di "in box" yang bertanyakan tentang kesahihan maklumat yang telah diwar-warkan di dalam Facebook Bandar Tasik Puteri (BTP) berkaitan laluan U-turn di Kundang oleh En Abdul Majid Hasan yang menyatakan bahawa pihak LATAR telah memberi kebenaran bagi laluan u-turn tersebut. Di dalam post tersebut, beliau telah menyatakan "AKHIRNYA PIHAK LATAR BERSETUJU....."

Untuk makluman semua pengguna pihak LATAR sama sekali TIDAK PERNAH mengeluarkan sebarang KENYATAAN BERTULIS MAHUPUN PERSETUJUAN SECARA LISAN dimana-mana mensyuarat BAGI MEMBERI KEBENARAN ATAU MEMBENARKAN mana-mana kenderaan melakukan pusingan U di susur masuk Kundang.

Mensyuarat pada pagi tadi yang turut dihadiri oleh En Abdul Majid Hasan telah dipengerusikan oleh Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Selayang, Tuan Mohd Azizi bin Mohd Zain.

Tn Yang Dipertua MPS telah memohon pihak LATAR MENGAJAI jika laluan kontra tersebut boleh dilaksanakan.

Untuk pengetahuan semua pihak pengurusan LATAR yang diwakili oleh En Tai Kean Sin, Pengurus Besar, Projek serta En Fakrurazi Zakaria, Pengurus, telahpun mengulas dengan lebih lanjut di mesyuarat tersebut bahawa laluan U-turn TIDAK DIBENARKAN dan TIDAK BERSETUJU sama sekali di atas faktor keselamatan dan Undang-Undang.

En Tai telah mengulas lanjut rekabentuk laluan tersebut adalah bagi laluan sehalu dan telah diwartakan sebagai Jalan Sehalu. Adalah tidak selamat dan merbahaya kepada pengguna jika laluan tersebut digunakan sebagai dua-hala. Ia juga bertentangan dengan Undang-Undang jalanraya.

Sekali lagi pihak LATAR TIDAK membenarkan DAN TIDAK BERSETUJU laluan U-turn tersebut dilakukan. Kami meminta agar semua pengguna dapat bersabar dan jangan melakukan pusingan U melawan arus secara haram kerana ianya bakal meletakkan diri sendiri serta pengguna yang lain dalam bahaya dan salah dari segi undang-undang. Hal ini adalah demi memastikan keselamatan semua pengguna lebuh raya LATAR.

Pihak LATAR menyeru agar semua pengguna agar dapat bertenang dan bersabar dan tunggu sehingga pembinaan jalan susur keluar siap.

Untuk makluman semua pengguna, kerja-kerja pembinaan sedang rancak dijalankan dan progres kerja telah mencapai sebanyak 44 peratus (44%) dan kerja – kerja tersebut dijangka siap pada Ogos 2014. Kami amat memohon kerjasama daripada semua pengguna agar dapat mematuhi peraturan

jalan raya.

Anda semua boleh merujuk kepada kenyataan kami sebelum ini.

Links :

Kontra flow tidak selamat - <https://www.facebook.com/notes/latar-expressway/cadangan-contra-flow-di-laluan-susur-masuk-ke-lebuhraya-latar-daripada-jalan-set/459052330836107>

Kemalangan - <http://www.youtube.com/watch?v=PAdEVGsqqL8>

Risiko berlaku kemalangan -

https://www.facebook.com/latarepressway/photos/a.159563670784976.40275.127643590643651/508165185924821/?type=1&relevant_count=1

Terima kasih